

SULIT



SEKOLAH BERASRAMA PENUH
BAHAGIAN PENGURUSAN
SEKOLAH BERASRAMA PENUH / KLUSTER
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2008
PENDIDIKAN ISLAM

1223/1

Kertas 1

Ogos

2 jam

Dua Jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian. Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Bahagian A mengandungi 40 soalan. Jawapan hendaklah ditulis pada ruangan yang disediakan di halaman 12.*
3. *Bahagian B mengandungi empat soalan subjektif. Jawab tiga soalan : Soalan 1, Soalan 2 wajib dan mana-mana satu soalan berikutnya. Jawapan hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang dibekalkan oleh pengawas peperiksaan.*
4. *Tulis nombor kad pengenalan dan angka giliran anda pada ruangan yang disediakan di halaman 12.*
5. *Ceraikan kertas jawapan Bahagian A dan ikat bersama-sama dengan kertas jawapan Bahagian B.*

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak

Bahagian A

[40 markah]

Jawab **semua** soalan**Soalan 1 hingga Soalan 20**

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan **A, B, C dan D**. **Hitamkan** jawapan yang tepat pada ruangan jawapan yang disediakan.

1 Contoh amalan khurafat ialah

- A menyembah bulan atau matahari
- B membuang ancak bagi menghalau hantu
- C meminta bantuan daripada makhluk halus
- D menolak hukum yang terdapat dalam al-Quran

2

Lahir pada tahun 1870 M di Kg Seronok, Bayan Lepas Pulau Pinang. Terkenal dengan gelaran Haji Muhammad Matahari.
--

Tokoh di atas adalah pengasas ajaran sesat

- A Bahai
- B Taslim
- C Qadiani
- D Anti Hadis

3

<ul style="list-style-type: none">• Membanyakkan ucapan talbiah• Memakai pakaian ihram berwarna putih
--

Pernyataan di atas adalah berkaitan dengan

- A sunat haji
- B wajib haji
- C rukun haji
- D syarat wajib haji

4 Hukum menyebut mahar ketika akad adalah

- A Harus
- B Sunat
- C Wajib
- D Makruh

- 5 Maksud meratapi kematian ialah
- A tidak reda dengan takdir Allah SWT
 - B kecewa dan sedih kerana kematian tersebut
 - C menganggap diri penyebab kepada kematian tersebut
 - D meraung-meraung sambil melakukan perkara yang menyiksa tubuh badan
- 6

Rasulullah SAW menggunakan cincin yang berukir nama baginda SAW sewaktu menandatangani surat yang dikirim kepada pembesar kerana mereka tidak membaca surat kecuali yang bercop mohor.
--
- Pernyataan di atas merupakan antara cara Rasulullah SAW melaksanakan adab amar makruf nahi mungkar yang dinamakan sebagai
- A cara diplomasi
 - B memberi hadiah
 - C menggunakan cap mohor
 - D memilih waktu dan tempat yang sesuai
- 7 Selain terkenal sebagai seorang ilmuwan, Imam Abu Hanifah r.h juga merupakan seorang
- A Sejarawan
 - B Usahawan
 - C Dermawan
 - D Sasterawan
8. Anak angkat boleh mendapat harta melalui cara berikut **kecuali**
- A Hibah
 - B Wasiat
 - C Hadiah
 - D Pusaka
9. Berikut adalah syarat-syarat sah akikah
- I niat akikah ketika menyembelih
 - II menyembelih binatang al-an'am
 - III pada hari ke tujuh kelahiran sahaja
 - IV memenuhi syarat-syarat sembelihan
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan III
 - D III dan IV

10. Tujuan Islam menganjurkan supaya diadakan walimatulurus selepas akad nikah ialah

- I memberi makan kepada orang ramai
 - II menghebahkan sesebuah perkahwinan
 - III melahirkan rasa gembira atas ikatan perkahwinan
 - IV menunjukkan setiap orang Islam mampu mengadakan kenduri
- A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV

11

- menuduh seorang yang baik melakukan zina
- gagal mengemukakan empat orang saksi

Pernyataan di atas adalah berkenaan dengan

- A li'an
B Zihar
C Qazaf
D Musahaqah

12 Berikut merupakan kesan perbuatan liwat **kecuali**

- A memecahbelahkan masyarakat
B merebaknya penyakit berbahaya
C meruntuhkan institusi perkahwinan
D melahirkan keturunan yang tidak sah

13

- Mengelakkan kemudaratan isteri sekiranya perkahwinan diteruskan
- Peringatan kepada suami agar bertanggungjawab terhadap hak isteri

Pernyataan di atas merujuk kepada

- A ila'
B lian
C talak
D fasakh

14 Antara sumbangan khalifah Uthman al-Affan r.a dalam pentadbiran negara ialah

- A menyusun pentadbiran majlis syura
- B menubuhkan pasukan polis dan tentera laut
- C mengumpul dan membukukan al-Quran dalam satu naskhah
- D membebaskan negeri-negeri di bawah pengaruh Rom dan Parsi

15 Berapa kali sumpah yang perlu dilafazkan oleh suami dalam proses lian ?

- A 3
- B 4
- C 5
- D 6

16 Pilih faktor-faktor yang membawa kepada kemerosotan Kerajaan Abbasiyah.

- I Kegawatan ekonomi
- II Kelemahan pemerintah
- III Perselisihan aliran fahaman agama
- IV Mendapat tekanan daripada pihak atasan

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

17 Apakah nama gerakan yang diperjuangkan oleh Syeikh Tahir Jalaluddin ?

- A Al-Islah
- B Muhammadiyah
- C Al-Ihkwan Al-Muslimin
- D Al-Jam'iyah Al-Islamiah

18

X	Y
Kesalahan yang ada hukuman di dunia dan peringatan azab di akhirat	Kesalahan yang tiada peruntukan hukuman tertentu

Apakah akibat jika seseorang melakukan kesalahan berkaitan dengan Y ?

- A Dipenjarakan
- B Menjadi fasik
- C Dihukum hudud
- D Terkeluar dari Islam

- 19 Budaya saling memberi dan bertukar-tukar hadiah sesama rakan akan
- A dikenali oleh orang ramai
 - B menambahkan kasih sayang
 - C menyenangkan orang lain untuk berkawan
 - D memudahkan mendapat pertolongan orang
- 20 Antara tanggungjawab ibu bapa terhadap anak-anak ketika mereka berumur sepuluh tahun ialah
- I memisahkan dari tempat tidur
 - II memukul jika enggan bersolat
 - III mengajar batas-batas pergaulan
 - IV menunjukkan cara makan, minum, dan tidur
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

Soalan 21 hingga Soalan 40

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.

- 21 Abu Hanifah r.h merupakan ulama pertama yang menyusun kitab _____ mengikut bab dan fasal dengan baik dan tersusun.

Soalan 22 hingga soalan 24 berdasarkan jadual di bawah. Lengkapkan tempat kosong dengan jawapan yang betul.

Kelayakan hak Hadanah
a. ibu saudara sebelah ibu
b. saudara perempuan seibu sebapa
c. anak perempuan kepada saudara perempuan

Susunan Hak Hadanah
22.
23.
24.

- 25 Hukum mandi bagi orang yang baru memeluk agama Islam ialah _____.
- 26 _____ ialah pasangan yang setaraf dari segi keturunan, pendidikan, pekerjaan dan sebagainya.


- 27 Idah bagi perempuan yang kematian suami ialah _____.
- 28 _____ ialah orang yang berkuasa untuk mengahwinkan seseorang perempuan.

Soalan 29 hingga **soalan 31** berdasarkan jadual di bawah. Lengkapkan tempat kosong dengan jawapan yang betul.


Kesalahan	Hukuman
Minum Arak	29. <u> X </u>
30. <u> Y </u>	Rejam sampai mati
Mencuri	31. <u> Z </u>

- 29 X dalam jadual di atas ialah _____
- 30 Y dalam jadual di atas ialah _____
- 31 Z dalam jadual di atas ialah _____
- 32 Disunatkan _____ di telinga kanan bayi yang baru dilahirkan.
- 33 Proses lian hendaklah dilakukan di hadapan _____.
- 34 Pembunuhan Khalifah Uthman bin al-Affan r.a adalah disebabkan perbuatan golongan _____.

Soalan 35 hingga **soalan 36** berdasarkan rajah di bawah. Lengkapkan tempat kosong dengan jawapan yang betul.



- 37 Kitab yang menjadi pegangan utama pengikut Mazhab Maliki selepas al-Quran dan hadis ialah _____.



- 38 X dalam rajah di atas adalah _____.
- 39 _____ ialah sebuah perpustakaan yang dijadikan sebagai pusat penterjemahan pada zaman Kerajaan Abbasiyah.
- 40 Pada zaman Kerajaan Umayyah kota _____ menjadi terkenal sebagai pusat penyebaran ilmu.

Bahagian B

[60 markah]

1 (a) Sabda Rasulullah SAW :


عن عبد الله بن عمرو بن العاص رضي الله عنهما. أن
 النبي صلى الله عليه وسلم قال، أربع من كن فيه كان
 منافقا خالصا من كان فيه خصلة من النفاق حتى
 يدعها إذا حدث كذب وإذا أومن خان وإذا عاهد غدّر
 وإذا خاصم فجر.

رواه البخاري

Hadis di atas menerangkan tentang perbuatan nifak.

- (i) Apakah maksud nifak ? [2 markah]
- (ii) Senaraikan **empat** sifat munafik berdasarkan hadis di atas. [4 markah]
- (iii) Sebagai seorang pelajar bagaimanakah anda dapat mengawal diri daripada perbuatan nifak. [4 markah]
- (b) Ajaran sesat ialah ajaran yang didakwa sebagai ajaran Islam sedangkan hakikatnya bercanggah dengan al-Quran dan al-Sunnah.
- (i) Jelaskan **dua** kesan negatif ajaran sesat terhadap orang yang mengamalkannya. [4 markah]
- (ii) Terangkan **dua** langkah yang berkesan untuk menangani ajaran sesat dalam masyarakat. [4 markah]
- (iii) Nyatakan **dua** contoh ajaran sesat yang terdapat di Malaysia. [2 markah]
- 2 (a) (i) Apakah maksud hutang ? [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** hikmah Islam mengharuskan hutang. [4 markah]
- (iii) Remaja masa kini gemar berhutang untuk keseronokan dan kemewahan hidup. Cadangkan cara untuk mengawal gejala tersebut. [4 markah]

(b) Firman Allah SWT :



Ayat di atas menjelaskan tentang keharusan amalan berpoligami.

- (i) Nyatakan **dua** syarat berpoligami. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** hikmah keharusan berpoligami dalam Islam. [4 markah]
- (c) Terangkan peraturan yang perlu dipatuhi ketika mengambil anak angkat. [4 markah]
- 3 (a) Para khalifah Abbasiyah amat mengambil berat tentang perkembangan ilmu sains dan teknologi.
- (i) Terangkan **dua** program yang telah dilaksanakan oleh khalifah untuk memajukan bidang berkenaan. [4 markah]
- (ii) Sebagai seorang pelajar jelaskan **dua** kepentingan menguasai ilmu sains dan teknologi. [4 markah]
- (b) Amalan berniaga merupakan amalan yang mulia dan dituntut dalam Islam.
- (i) Terangkan **dua** bentuk perniagaan yang dilarang dalam Islam. [4 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** adab berniaga yang disyariatkan oleh Islam selain daripada amanah. [4 markah]
- (c) (i) Tuliskan nama sebenar Ibnu Khaldun. [2 markah]
- (ii) Nyatakan asas penting dalam pembinaan negara menurut Ibnu Khaldun. [2 markah]
- 4 (a) Kerajaan Khulafa al-Rasyidin telah membuat beberapa pembaharuan dalam sistem pentadbiran negara.
- (i) Nyatakan **dua** daripada pembaharuan tersebut. [2 markah]

- (ii) Jelaskan **dua** ciri kepimpinan Khulafa al-Rasyidin. [4 *markah*]
- (iii) Terangkan **dua** akibat membelakangkan kepimpinan Khulafa al-Rasyidin. [4 *markah*]
- (b) Islam telah menggaris beberapa panduan ketika menziarahi jenazah.
- (i) Nyatakan **dua** adab menziarahi jenazah. [2 *markah*]
- (ii) Terangkan **dua** perkara yang dilarang ketika menziarahi jenazah. [4 *markah*]
- (c) Jelaskan **dua** sifat kesederhanaan Imam Malik r.h yang boleh dicontohi oleh pelajar. [4 *markah*]

KERTAS SOALAN TAMAT

KERTAS JAWAPAN UNTUK BAHAGIAN A

NAMA : _____ TINGKATAN : _____

NO. KAD PENGENALAN

						-							
--	--	--	--	--	--	---	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

- | | | | | | | |
|----|-----|-----|-----|-----|----|-------|
| 1 | (A) | (B) | (C) | (D) | 21 | _____ |
| 2 | (A) | (B) | (C) | (D) | 22 | _____ |
| 3 | (A) | (B) | (C) | (D) | 23 | _____ |
| 4 | (A) | (B) | (C) | (D) | 24 | _____ |
| 5 | (A) | (B) | (C) | (D) | 25 | _____ |
| 6 | (A) | (B) | (C) | (D) | 26 | _____ |
| 7 | (A) | (B) | (C) | (D) | 27 | _____ |
| 8 | (A) | (B) | (C) | (D) | 28 | _____ |
| 9 | (A) | (B) | (C) | (D) | 29 | _____ |
| 10 | (A) | (B) | (C) | (D) | 30 | _____ |
| 11 | (A) | (B) | (C) | (D) | 31 | _____ |
| 12 | (A) | (B) | (C) | (D) | 32 | _____ |
| 13 | (A) | (B) | (C) | (D) | 33 | _____ |
| 14 | (A) | (B) | (C) | (D) | 34 | _____ |
| 15 | (A) | (B) | (C) | (D) | 35 | _____ |
| 16 | (A) | (B) | (C) | (D) | 36 | _____ |
| 17 | (A) | (B) | (C) | (D) | 37 | _____ |
| 18 | (A) | (B) | (C) | (D) | 38 | _____ |
| 19 | (A) | (B) | (C) | (D) | 39 | _____ |
| 20 | (A) | (B) | (C) | (D) | 40 | _____ |

Bahagian	Markah
A	
B	

Kod Pemeriksa



**SEKOLAH BERASRAMA PENUH
BAHAGIAN PENGURUSAN
SEKOLAH BERASRAMA PENUH / KLUSTER
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2008
PERATURAN PEMARKAHAN
PENDIDIKAN ISLAM
Kertas 1**

1223/1(PP)

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan Pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh / Kluster**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan Pemarkahan ini juga tidak boleh dikeluarkan dalam apa jua bentuk penulisan dan percetakan.

Peraturan Pemarkahan ini mengandungi 7 halaman bercetak termasuk muka hadapan

Bahagian A

[40 markah]

- 1 A B C D
- 2 A B C D
- 3 A B C D
- 4 A B C D
- 5 A B C D
- 6 A B C D
- 7 A B C D
- 8 A B C D
- 9 A B C D
- 10 A B C D
- 11 A B C D
- 12 A B C D
- 13 A B C D
- 14 A B C D
- 15 A B C D
- 16 A B C D
- 17 A B C D
- 18 A B C D
- 19 A B C D
- 20 A B C D

- 21. Feqah / fiqh / faraid
- 22. Saudara perempuan seibu sebapa
- 23. Anak perempuan kepada saudara perempuan
- 24. Ibu saudara sebelah ibu
- 25. Sunat
- 26. Sekufu
- 27. 4 bulan 10 hari
- 28. Wali
- 29. 40 kali sebatan
- 30. Penzina Muhsan (Sudah berkahwin)
- 31. Potong tangan
- 32. Azan
- 33. Hakim
- 34. Munafik
- 35. Al-Jamaah / Ahlu Hadis
- 36. Ahlu Hadis / Al-Jamaah
- 37. Al-Muwatto'
- 38. Nasihat yang baik / Mahu'izah hasanah
- 39. Baitul Hikmah
- 40. Basrah

Bahagian B

[60 markah]

No. Soalan	Contoh Jawapan	Markah
1.a.i	Maksud nifak - berpura-pura melahirkan keimanan sedangkan hatinya kufur kepada Allah SWT.	[1 x 2m = 2m]
ii	Empat sifat munafik berdasarkan hadis, - bila bercakap ia berdusta - bila berjanji ia mungkir - bila diberi amanah ia khianat - bila bergaduh ia melampaui batas	[4 x 1m = 4m]
iii	Cara mengawal diri daripada perbuatan nifak, - meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah - bercakap benar apabila berbicara - sentiasa menunaikan janji - bertoleransi, bertimbang rasa dan bertanggungjawab	[2 x 2m = 4m]
b.i	Dua kesan negatif ajaran sesat terhadap pengamalannya, - rosak akidah atau batal iman - minda terkongkong - membuang masa - mengabaikan tanggungjawab kepada Allah, keluarga dan masyarakat - hidup tidan tenteram dan stabil	[2 x 2m = 4m]
ii	Dua langkah menangani ajaran sesat dalam masyarakat, - melengkapkan diri dengan kefahaman yang sebenar - menyebarkan ajaran Islam melalui media - mengadakan program pemulihan akidah - penguatkuasaan undang-undang	[2 x 2m = 4m]

No. Soalan	Contoh Jawapan	Markah
iii	Dua contoh ajaran sesat di Malaysia, - Ayah pin - Bahai - Taslim - Hj Kahar - Qadyani	[2 x 1m = 2m]
2.a.i	Maksud hutang, - memberikan sesuatu barang atau manfaat kepada Seseorang	[1 x 2m = 4m]
ii	Dua hikmah Islam mengharuskan hutang, - membantu golongan yang susah - mengelak daripada sikap malas dan suka memintaminta - menjaga kepentingan kedua belah pihak - memberi peluang orang miskin memperbaiki cara hidup mereka - mengelakkan penindasan pihak yang kaya kepada yang miskin.	[2 x 2m = 4m]
iii	Cara mengawal gejala hutang, - mengamalkan sikap jimat cermat - tidak berbelanja mengikut hawa nafsu - tidak terpengaruh dengan kawan yang kaya - tidak terpedaya dengan iklan - sentiasa mengingati balasan Allah	[2 x 2m = 4m]
b.i	Dua syarat berpoligami, - tidak melebihi empat isteri dalam satu masa - boleh berlaku adil - mampu dari segi zahir dan batin	[2 x 1m = 2m]
ii	Dua hikmah harus berpoligami dalam Islam, - menyambung keturunan - mengelak berlakunya maksiat - membela anak yatim dan wanita - mengamalkan sunah Rasulullah	[2 x 2m = 4m]

No. Soalan	Contoh Jawapan	Markah
c	Peraturan mengambil anak angkat, - haram membin dan membintikan kepada bapa angkat - batas-batas pergaulan anak angkat dengan keluarga angkat - harta pusaka	[2 x 2m = 4m]
3.a.i	Dua program yang dilaksanakan oleh khalifah untuk memajukan bidang sains dan teknologi, - mengadakan seminar perubatan yang dihadiri oleh pakar-pakar perubatan seluruh dunia pada setiap musim haji. - menyediakan peruntukan yang banyak dalam bidang penyelidikan sains dan teknologi - membina pusat penyelidikan sains seperti balai cerap	[2 x 2m = 4m]
ii.	Dua kepentingan pelajar menguasai ilmu sains dan teknologi, - mengangkat martabat Islam di mata dunia - menjadi lebih maju dari bangsa lain - supaya dihormati dan dipandang mulia oleh bangsa lain. - mengurangkan pergantungan kepada bangsa lain.	[2 x 2m = 4m]
b.i	Dua bentuk perniagaan yang dilarang dalam Islam - ada unsur riba / penindasan - ada unsur penipuan - jual beli barang yang dilarang dalam Islam - jual beli barang yang tidak dimiliki dengan sempurna - jual beli bersyarat.	[2 x 2m = 4m]
ii	Dua adab berniaga, - bertolak ansur - bersikap ihsan - tekun dan bersungguh-sungguh - menjauhi perkara haram - penjual dan pembeli saling menjaga hak masing-masing	[2 x 2m = 4m]

No. Soalan	Contoh Jawapan	Markah
c.i	Nama sebenar Ibnu Khaldun ialah, - Abdul Rahman Muhammad bin Muhammad	[1 x 2m = 2m]
ii	Asas penting dalam pembinaan negara menurut Ibnu Khaldun tentang ialah, - agama - ekonomi - akhlak pemimpin serta rakyat	[1 x 2m = 2m]
4.a.i	Dua pembaharuan pada zaman Khulafa al-Rasyidin dalam sistem pentadbiran negara, - menubuhkan majlis syura - mengemaskinikan pentadbiran wilayah - penubuhan jabatan ad-diwan	[2 x 1m = 2m]
ii	Dua ciri kepimpinan Khulafa al-Rasyidin, - sebagai sumber rujukan selepas Rasulullah SAW - tidak menggunakan harta negara untuk kepentingan - tidak mempunyai pengawal peribadi - mengamalkan kehidupan yang sederhana - memberi peluang kepada rakyat memberikan pandangan - menyumbang harta dan kekayaan untuk menegakkan agama Islam.	[2 x 2m = 4m]
iii	Dua akibat membelakangkan kepimpinan Khulafa al-Rasyidin, - negara Islam dipimpin secara warisan - keadaan kacau bilau dengan pembunuhan khalifah Uthman al-Affan dan Ali - negara terdedah kepada fitnah dan peperangan sesama sendiri - orang munafik mendapat peluang memecahbelahkan umat Islam. - timbulnya perpecahan aliran pemikiran	[2 x 2m = 4m]
b.i	Dua adab menziarahi jenazah, - berdoa semoga jenazah mendapat keampunan Allah.	[2 x 1m = 2m]

No. Soalan	Contoh Jawapan	Markah
	<ul style="list-style-type: none">- memberi pertolongan kepada keluarga jenazah- melahirkan perasaan dukacita kepada waris si mati- mengucapkan kata-kata yang boleh meringankan kesedihan keluarga jenazah- mengingatkan keluarga jenazah dengan kesabaran di atas ujian Allah.- ucap takziah kepada keluarga jenazah tidak melebihi 3 hari- menyedekahkan bacaan al-Quran	
ii	Dua perkara yang dilarang ketika menziarahi jenazah, <ul style="list-style-type: none">- berasa kesal terhadap kematian- membebankan keluarga jenazah dengan pelbagai permintaan yang tidak mampu ditunaikan- melakukan perkara yang boleh menyinggung perasaan keluarga jenazah- tidak redha dengan takdir Allah.	[2 x 2m = 4m]
c	Sifat kesederhanaan Imam Malik yang boleh dicontohi oleh pelajar, <ul style="list-style-type: none">- tidak bangga dengan pangkat atau keturunan- bantu rakan yang memerlukan pertolongan- tidak mencela atau menghina rakan lain.	[2 x 2m = 4m]

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT